

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

[TELOK KEMANG]

DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta
**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN** menyatakan :-

- (a) adakah pecahan 1,185 kes dengan nilai rampasan RM384,834.62 yang dilaksanakan dalam OPS CATUT sehingga 4 Mac 2015 hanya melibatkan peniaga kecil atau pun pengeluar, pembekal dan pemborong; dan
- (b) penguatkuasaan Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 terhadap pengeluar, pembekal dan pemborong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah melaksanakan gerak gempur antipencatutan melalui **OPS CATUT Fasa Pertama** yang telah bermula pada **15 Januari 2015 hingga 31 Mac 2015**. Operasi ini adalah satu tindakan penguatkuasaan gerak gempur secara terancang dan berfokus melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** ke atas keseluruhan rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara untuk menangani tindakan oleh mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang dan caj perkhidmatan tanpa sebab yang munasabah dengan menggunakan alasan GST.

Sepanjang pelaksanaan **OPS CATUT Fasa Pertama sehingga 31 Mac 2015** sebanyak **597,833 pemeriksaan** telah dijalankan di seluruh negara. Dari jumlah ini, sebanyak **2,871 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM492,137** dan nilai kompaun sebanyak **RM335,166** melibatkan pelbagai Akta. Manakala di bawah **seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** sebanyak **286 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan. Di bawah OPS CATUT Fasa Pertama ini, **tiga (3)** kes telah dihasilkan di bawah **Seksyen 14(1)** Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 melibatkan **peruncit** kerana mencatut manakala **tujuh (7)** kes lagi di bawah **Seksyen 21(5)** Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kerana enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan melibatkan pasar raya,

peruncit, pemborong, pasar tani, pasar raya mini, kedai makan dan pembekal perkhidmatan.

Sebanyak **11,290 premis** telah diperiksa merangkumi pelbagai peringkat perniagaan daripada peniaga kecil, pengeluar, pembekal dan pemborong. Daripada sejumlah premis yang diperiksa, sebanyak **10,839 adalah di peringkat pemborong, 328 adalah di peringkat pengedar** manakala **123 premis adalah di peringkat pengilang.**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (b) Sehingga **31 Mei 2015**, sebanyak **52 kertas siasatan** telah dihasilkan di bawah AKHAP 2011 iaitu **18 kertas siasatan** di bawah Seksyen 14(1) kerana **kesalahan mencatat, 33 kertas siasatan** di bawah Seksyen 21(5) kerana **enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis** yang dikeluarkan dan **1 kertas siasatan** di bawah Seksyen 53A kerana **tidak menyimpan dan menyelenggarakan rekod.**

Daripada jumlah tersebut, kes yang telah dituduh di mahkamah di bawah AKHAP 2011 sehingga 31 Mei 2015 adalah seperti yang berikut:

- i) **5 kes telah selesai** di Mahkamah iaitu 2 kes di Melaka, 1 kes di Negeri Sembilan, 1 kes di Kelantan dan 1 kes di Kuala Lumpur;
- ii) kes yang **telah dituduh dan masih belum selesai** adalah sebanyak **4 kes** iaitu 2 kes di Selangor, 1 kes di Pulau Pinang dan 1 kes di Johor; dan
- iii) **3 kes telah ditawarkan kompaun;**